

MEMARTABATKAN MASJID SEBAGAI INSTITUSI AGAMA MELALUI SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN YANG SISTEMATIK DAN TADBIR URUS YANG MANTAP

PROF. MADYA DR. MARZIANA MADAH MARZUKI

Masjid merupakan sebuah institusi agama yang dipandang tinggi oleh masyarakat Islam memandangkan masjid adalah pusat ibadat bagi penganut agama Islam. Sejak zaman Rasullullah S.A.W. lagi, masjid bukan sahaja menjadi tempat tumpuan umat dalam untuk menunaikan kewajipan agama iaitu solat, bahkan masjid telah menjadi pusat penyebaran ilmu dan tempat berkumpul umat Islam untuk mengadakan pelbagai aktiviti keagamaan. Peranan masjid sehingga ke hari ini sangatlah besar dalam agama Islam memandangkan institusi masjid dilihat sebagai satu platform untuk menyatukan umat Islam dan seterusnya memantapkan lagi agama Islam sebagai agama yang sempurna.

Dengan berkembangnya peranan masjid pada masa kini, institusi ini telah menerima banyak dana dari pelbagai sumber. Ini kerana persepsi masyarakat terhadap masjid yang dilihat sebagai institusi agama yang berintegriti. Begitu juga dengan barisan pentadbir masjid. Mereka dilihat sebagai orang yang mempunyai integriti yang tinggi kerana latar belakang pendidikan agama yang dimiliki oleh sebahagian pentadbir masjid. Imam masjid terutamanya merupakan mereka yang menerima tauliah dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Namun begitu, sebagaimana institusi lain, masjid juga dicemari dengan kes-kes salah laku seperti pecah amanah dan sebagainya. Kes-kes ini sebahagian besar melibatkan pentadbir masjid yang telah diberikan amanah untuk menguruskan dana masjid. Kes terbaru di Johor Bharu contohnya melibatkan pendakwaan kes pecah amanah seorang bekas bendahari masjid di Kampung Sri Machap, Kluang atas kesalahan menyalahgunakan wang milik masjid berjumlah RM12,000 dua tahun lalu (Hashim, 2024). Kes-kes sebegini sedikit sebanyak telah memcemarkan nama baik masjid sebagai pusat agama Islam yang sangat dipandang tinggi.

Kes-kes sebegini telah menunjukkan betapa pentingnya pengurusan kewangan yang sistematik di kalangan masjid. Pengurusan kewangan masjid sehingga kini dipandang ringan kerana persepsi masyarakat yang menganggap masjid sebagai pusat agama yang ditadbir oleh mereka yang berlatarbelakangkan agama yang tidak mungkin terlibat dengan kes-kes salah laku ini. Ia juga dipandang ringan kerana masjid tidak berkewajipan untuk menyediakan pelaporan kewangan yang perlu diaudit oleh badan-badan tertentu. Sedangkan masjid-masjid terutamanya masjid-masjid di bandar mempunyai dana yang sangat banyak hasil sumbangan orang ramai. Dana-dana ini merupakan dana yang dipertanggungjawabkan oleh orang ramai kepada masjid untuk digunakan bagi kepentingan masyarakat setempat dan umumnya.

Namun begitu, apa yang menyedihkan ada di kalangan masjid yang berlumba-lumba untuk mengumpul dana tanpa dibelanjakan pada tujuan yang sepatutnya. Mereka begitu berbangga menunjukkan simpanan dana di dalam akaun bank contohnya. Ada di kalangan masjid yang mempunyai dana yang banyak tetapi membiarkan penduduk di kawasan mukim mereka dalam kesusahan tanpa mendapat bantuan. Hal ini sangatlah menyedihkan kerana masjid dilihat mempunyai peranan yang sangat besar bagi membantu memantapkan ekonomi Islam. Peranan masjid pada masa kini terutamanya dinilai bukan sahaja sebagai pusat ibadat, tetapi juga sebagai pusat pemantapan ekonomi Islam. Masjid sepatutnya menjadi pencetus kepada penjaan ekonomi umat Islam yang mampu berdiri sendiri hasil dari sumbangan dana daripada orang ramai.

Atas kepercayaan orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab masjid, pengurusan kewangan yang sistematik dan tadbir urus yang mantap di kalangan masjid adalah sangat diperlukan. Masjid seharusnya mempunyai prosedur pengurusan kewangan sebagaimana institusi-institusi lain yang boleh membantu masjid memantapkan lagi pengurusan kewangan dan tadbir urus mereka. Usaha ini sangatlah dialu-alukan memandangkan masjid juga sebenarnya memiliki akauntabiliti yang tinggi sebagaimana syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang menerima dana yang besar daripada orang ramai. Akauntabiliti masjid pada hakikatnya adalah lebih tinggi berbanding institusi-institusi atau organisasi lain memandangkan dana yang disumbangkan oleh orang ramai kepada masjid adalah berdasarkan kepercayaan kepada masjid untuk menggunakan dana tersebut bagi kepentingan agama dan umat Islam yang boleh dimanfaatkan di akhirat sana.

Oleh itu, sudah tiba masanya pihak yang terlibat seperti jawatankuasa pengurusan masjid dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di negara ini mengembeling tenaga untuk memantapkan sistem kewangan dan tadbir urus masjid melalui penyediaan prosedur pengurusan kewangan yang teratur bagi memastikan penyumbang dana masjid mendapat maklumat kewangan masjid secara telus dan berintegriti. Pelaksanaan audit terhadap masjid dilihat sangat diperlukan bagi memastikan dana yang diamanahkan orang ramai digunakan sepenuhnya untuk kepentingan masyarakat setempat dan umum. Usaha ini memerlukan sokongan dari pelbagai pihak terutamanya jawatankuasa pengurusan masjid bagi memastikan usaha ini dapat dipraktikkan secara berterusan dan berintegriti. Penggunaan teknologi tinggi seperti perkomputeran dan aplikasi Sistem Perakaunan Masjid (SPM) dilihat sebagai satu keperluan yang utama bagi membantu memantapkan lagi pengurusan kewangan masjid. Jawatankuasa pengurusan masjid yang kebanyakan dulunya disandang oleh mereka yang sudah berumur sepatutnya mempunyai pelapis-pelapis di kalangan mereka yang lebih muda dan lebih bertenaga. Sudah tiba masanya masjid membuat perubahan demi agama Islam yang tercinta.

Rujukan:

Hashim, F. (2024). Bekas bendahari pecah amanah guna RM12,000 duit masjid. Kosmo 4 Mac 2024. Dilayari daripada <https://www.kosmo.com.my/2024/03/04/bekas-bendahari-pecah-amanah-guna-rm12000-duit-masjid/> pada Mac 19, 2024.